

02 FEB 1998

Wolfensohn-kes

BANK DUNIA SIFATKAN MALAYSIA KES KAJIAN PELAKSANAAN CEMERLANG

KUALA LUMPUR, 2 Feb (Bernama) -- Bank Dunia menyifatkan Malaysia sebagai satu "kes kajian pelaksanaan cemerlang" dan berharap untuk belajar dan bekerjasama terutama dalam bidang pembasmian kemiskinan pada masa akan datang.

Presidennya James Wolfensohn berkata ini berdasarkan pembabitan Bank Dunia dalam 99 projek pembasmian kemiskinan yang berjaya dilaksanakan dengan berkesan di negara ini.

"Pengalaman kami di Malaysia sebenarnya merupakan satu kes kajian," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Carcosa Seri Negara, di sini malam ini.

Wolfensohn, yang tiba di sini hari ini, dan Anwar kemudian menghadiri majlis makan malam bersama. Turut serta ialah Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, Gabenor Bank Negara Tan Sri Ahmad Mohd Dom dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Datuk Dr Aris Othman.

Wolfensohn berkata dalam kes Malaysia, ia merupakan perkongsian yang berjaya antara bank-bank dan kerajaan yang berkesan dan "dalam bidang inilah yang kami akan pelajari."

"Bank ini bukan sahaja bangga melakukannya tetapi saya rasa kami dapat belajar banyak mengenai apa yang dilakukan oleh kerajaan negara ini," katanya.

Ditanya mengenai perbincangannya dengan Anwar, Wolfensohn berkata mereka telah mengadakan perbincangan yang berguna dalam pertemuan selama sejam itu.

Mereka juga membincangkan mengenai pembangunan keselamatan sosial di kawasan luar bandar dan serantau.

Wolfensohn ke sini dalam rangka lawatan seminggu ke Asia Tenggara untuk membuat penilaian terhadap kesan krisis ekonomi yang melanda Asia dan menawarkan sokongan bagi reformasi sektor kewangan, sosial dan kerajaan.

Beliau telahpun berada di Singapura dan Thailand sebelum ke sini dan dijadual ke Indonesia, Filipina dan Korea Selatan selepas ini.

Wolfensohn akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri pagi esok dan mengadakan sidang akhbar pada tengah hari sebelum meneruskan misinya.

Menurut laporan Bank Dunia, ia telah memberikan 99 pinjaman bernilai AS\$2.8 bilion kepada Malaysia untuk pelbagai projek pertanian, perindustrian, pendidikan, sumber manusia dan infrastuktur sejak 1958.

--BERNAMA

ARA oba